

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2021, VOL 4, Bil 2, Halaman 51-63

Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang

The Level of Mastery of Qiraat Knowledge in Sekolah Menengah Agama

Persekutuan Bentong, Pahang

Mohd Izhar Daud^{1*}, Rohana Zakaria²

[Without Salutation, TNR 12-pt, Capitalize Each Word, Bold, Single Spacing]

¹ Mahasiswa Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000 Malaysia.

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000 Malaysia.

* Corresponding Author: Mohd Izhar Daud. Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Selangor, 17mt08001@student.kuis.edu.my, 0199413293, ORCID iD.

ABSTRACT

The knowledge of Qiraat is a field in Islamic Studies that is growing nowadays. The establishment of various educational institutions that offer the field of study of Qiraat knowledge is growing, showing that this knowledge is gaining attention. The government through the Ministry of Education Malaysia (MOE) has introduced the knowledge of Qiraat as early as at the secondary education level through the subject of Maharat al-Quran under the Integrated Curriculum Tahfiz (KBT). However, studies on the level of mastery of Qiraat knowledge have not been widely implemented especially for the Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) students. Therefore, this study was conducted to identify the level of mastery and level of knowledge of Qiraat. This study uses a descriptive method that is quantitative, and the instrument uses a set of questionnaires. The sample of this study consisted of 138 form 5 students of Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Karak, Pahang (SMAP Bentong). A sample of 138 students was determined by referring to the table of Krejcie & Morgan (1970). The study found that the level of mastery of TMUA students on the knowledge of Qiraat is at a moderate level and is supported by the findings of studies that have been conducted by other researchers. Therefore, the method of teaching and learning Qiraat knowledge needs to be given attention and improved so that level of mastery of Qiraat knowledge among TMUA students can be improved to a higher and better level.

Keywords

Qiraat, mastery, knowledge, SMAP Bentong

ABSTRAK

Ilmu Qiraat merupakan satu bidang dalam Pengajian Islam yang semakin berkembang pada masa kini. Penubuhan pelbagai institusi yang menawarkan bidang pengajian ilmu Qiraat semakin bercambah menunjukkan ilmu ini semakin mendapat perhatian. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan ilmu Qiraat seawal di peringkat pengajian menengah melalui mata pelajaran Maharat al-Quran di bawah Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Namun, kajian mengenai tahap penguasaan ilmu Qiraat masih belum luas dilaksanakan khususnya dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap penguasaan dan tahap pengetahuan ilmu Qiraat. Kajian ini menggunakan metode deskriptif iaitu kuantitatif dan instrumennya menggunakan set soal selidik. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 138 orang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Karak, Pahang (SMAP Bentong). Persampelan seramai 138 orang ditentukan dengan merujuk jadual Krejcie & Morgan (1970). Kajian mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar TMUA terhadap ilmu Qiraat adalah pada tahap sederhana dan disokong oleh dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lain. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat perlu diberi perhatian dan ditambahbaik agar tahap penguasaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar TMUA dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi dan baik.

Kata kunci

Qiraat, penguasaan, pengetahuan, SMAP Bentong

1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang masih kekal hingga ke hari ini. Definisi al-Quran adalah *kalam* Allah s.w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. di dalam Bahasa Arab dan disampaikan kepada kita semua secara *mutawatir*, membacanya dikira sebagai ibadah, bermula dengan surah *al-Fatihah* dan diakhiri dengan surah *al-Nas* (Mansur 1999). Penurunan al-Quran adalah berkait rapat dengan ilmu Qiraat kerana ianya berhubungkait dengan *kalamullah* yang diturunkan dan diutuskan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Sehingga kini, ilmu Qiraat tidak lagi dianggap asing dan semakin mendapat perhatian di Malaysia dengan tertubuhnya pelbagai institusi di setiap peringkat yang menawarkan pengajian dan kursus di dalam bidang ini. Namun, masih terdapat masyarakat yang kurang pengetahuan berkaitan ilmu Qiraat dan berusaha untuk mempelajari ilmu ini pada pelbagai peringkat. Kurangnya pendedahan terhadap ilmu Qiraat menyebabkan masyarakat Malaysia menganggap ilmu ini agak asing dan janggal untuk diamalkan (Sumayyah & Abdul Hafiz 2016). Masyarakat juga tidak menyedari bahawa bacaan yang biasa diamalkan mengikut riwayat Hafs daripada ‘Asim juga merupakan salah satu cabang daripada ilmu Qiraat.

Sebagai bukti bahawa Qiraat sebahagian daripada agama dan boleh diamalkan, Allah s.w.t telah berfirman di dalam surah *al-Najmi* ayat 3-5:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (۳) إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (۴) عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَىٰ (۵)

Maksudnya:

3. Dan dia (Nabi Muhammad s.a.w) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubungan dengan agama Islam) menurut kemahuan dan kehendaknya sendiri.
4. Segala yang diperkatakannya itu (samada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.
5. Wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepadanya oleh (malaikat Jibril a.s) yang amat kuat gagah.

Rasulullah s.a.w juga menyatakan kebenaran ilmu Qiraat sepertimana dalam hadis bertaraf *sahih* dari *Sahih al-Bukhari*, no. hadis 4992:

حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عُمَيْرٍ، قَالَ حَدَّثَنِي اللَّيْثُ، قَالَ حَدَّثَنِي عُقَيْلٌ، عَنِ ابْنِ شِهَابٍ، قَالَ حَدَّثَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ، أَنَّ الْمِسْوَرَ بْنَ مَخْرَمَةَ، وَعَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ عَبْدِ الْقَارِيِّ، حَدَّثَاهُ أَكْثَمًا، سَمِعَا عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ، يَقُولُ سَمِعْتُ هِشَامَ بْنَ حَكِيمٍ، يَقْرَأُ سُورَةَ الْفُرْقَانِ فِي حَيَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَمَعْتُ لِقِرَاءَتِهِ فَإِذَا هُوَ يَقْرَأُ عَلَى حُرُوفٍ كَثِيرَةٍ لَمْ يُفَرِّقْ بَيْنَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكِدْتُ أُسَاوِرُهُ فِي الصَّلَاةِ فَتَصَبَّرْتُ حَتَّى سَلَّمَ فَلَبَّبْتُهُ بِرِدَائِهِ فُقِلْتُ مَنْ أَقْرَأَكَ هَذِهِ السُّورَةَ الَّتِي سَمِعْتِكَ تُقْرَأُ. قَالَ أَقْرَأْنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فُقِلْتُ كَذَبْتُ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَقْرَأْنِيهَا عَلَى غَيْرِ مَا قَرَأْتُ، فَاَنْطَلَقْتُ بِهِ أَقْوَدُهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فُقِلْتُ إِنِّي سَمِعْتُ هَذَا يَقْرَأُ بِسُورَةِ الْفُرْقَانِ عَلَى حُرُوفٍ لَمْ تُفَرِّقْ بَيْنَهَا. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَرْسَلَهُ أَقْرَأَ يَا هِشَامُ ". فَقَرَأَ عَلَيْهِ الْقِرَاءَةَ الَّتِي سَمِعْتُهُ يَقْرَأُ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " كَذَلِكَ أَنْزَلْتُ ". ثُمَّ قَالَ " اقْرَأْ يَا عُمَرُ ". فَقَرَأْتُ الْقِرَاءَةَ الَّتِي أَقْرَأْنِي، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " كَذَلِكَ أَنْزَلْتُ، إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَاقْرَأُوا مَا تَيْسَّرَ مِنْهُ ". (رواه البخاري في صحيحه)

Maksudnya:

Umar bin al-Khattab r.a berkata: "Aku mendengar Hisyam bin Hakim r.a (yang sedang sembahyang) membaca surah al-Furqan ketika itu Rasulullah s.a.w masih hidup. Lalu aku perhati bacaannya, dia membaca dengan banyak huruf yang aku sendiri tidak baca seperti itu di depan Rasulullah s.a.w. Aku berazam untuk menangkapnya sejurus sahaja dia selesai sembahyang, aku tunggu sehingga dia memberi salam, kemudian aku pegang dia dengan kain selempangnya dan bertanya: "Siapa yang bacakan kepadamu seperti yang aku dengar tadi?" Dia menjawab: "Rasulullah s.a.w yang bacakan kepadaku (seperti itu)". Aku berkata: "Engkau penipu, demi Allah, Rasulullah tidak bacakan kepadaku seperti itu." Kemudian aku membawa dia bertemu Rasulullah s.a.w dan aku bertanya: "Wahai Rasulullah! Aku mendengar dia membaca surah al-Furqan dengan huruf yang engkau tidak bacakan kepadaku sedangkan engkau telah mengajarkan aku bacaan surah itu." Lalu Rasulullah s.a.w bersabda: "Lepaskan dia wahai Umar! Bacalah wahai Hisyam!" Dia pun membaca seperti yang aku dengar tadi dan Rasulullah s.a.w bersabda: "Demikianlah seperti itu diturunkan." Kemudian Rasulullah s.a.w menyuruhku pula: "Bacalah



wahai Umar!” Maka aku membaca sepertimana yang baginda ajarkan, dan Rasulullah s.a.w bersabda: “Itu juga seperti yang telah diturunkan, sesungguhnya ini adalah al-Quran yang diturunkan dengan tujuh huruf maka bacalah apa yang mudah (bagi kamu) dari salah satu huruf itu.”

(HR *al-Bukhari*, Kitab *fadhail al-Quran*, Bab *unzila al-Quran ‘ala sab’ah ahurf*, no. 4992)

1.1 Definisi Qiraat

Definisi dari sudut bahasa, *al-Qirā’āt* merupakan kata *jama’* atau banyak bagi perkataan *qirā’ah* yang bermaksud bacaan dan merupakan kata *masdar* atau kata nama terbitan (al-Mu’jam al-Arabiy al-Asasiy 1988). Menurut Ahmad Izzan (2011) perkataan *qirā’ah* mempunyai kata dasar yang sama dengan al-Quran iaitu قرأ yang bererti membaca.

Dari sisi istilah pula, Imam Ibnu al-Jazari (1999) berpendapat Qiraat merupakan suatu ilmu yang membicarakan mengenai tatacara pembacaan al-Quran serta mengetahui cara-cara menyebut lafaz-lafaz di dalam al-Quran baik yang disepakati mahupun yang diperselisih yang disandarkan kepada para ulama (ahli ilmu Qiraat) yang *menaqalkannya*. Manakala Manna’ Khalil al-Qattan (1973) pula berpendapat bahawa Qiraat itu salah satu mazhab (aliran) dalam pembacaan al-Quran yang dipilih salah seorang imam Qiraat sebagai mazhab yang berbeza dengan mazhab yang lainnya.

Secara asasnya, dapat dinyatakan bahawa Qiraat itu mempunyai pelbagai definisi dan tafsirannya yang dikemukakan oleh para ulama dan ahli yang pakar di dalam bidangnya. Maka kesimpulannya, Qiraat adalah kaedah yang digunakan semasa membaca al-Quran yang disampaikan kepada kita pada hari ini daripada ulama yang ahli dalam bidang ini yang diperolehi daripada imam-imam Qiraat dan susur galur pengambilan ilmu ini sampai kepada Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w telah menekuni bacaan dengan malaikat Jibril a.s secara *talaqqi* dan *mushafahah*.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian tahap penguasaan ilmu Qiraat ini melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong (SMAP Bentong), Pahang. Keseluruhan sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berjumlah 15 buah sekolah di seluruh Malaysia. Namun, pengkaji hanya memilih sebuah sekolah sahaja kerana sekolah ini merupakan salah satu daripada tiga buah sekolah rintis TMUA yang telah bermula sejak tahun 2014 lagi dan satu-satunya Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Manakala dua buah sekolah lagi merupakan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Dasar pengambilan pelajar ke SBP adalah daripada seluruh negara dan tidak tertumpu kepada sebuah negeri sahaja. Maka, pengkaji telah memilih SMAP Bentong bagi mengukuhkan lagi kajian ini.

Transformasi pendidikan agama berlaku disebabkan oleh perubahan dalam sistem pendidikan mengikut keperluan semasa masyarakat (Mardhiah 2018). Program TMUA merupakan pelaksanaan gabungan dwi kurikulum antara Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di beberapa sekolah yang terpilih di seluruh Malaysia. Matlamat utama pelaksanaan program TMUA



adalah bagi melahirkan golongan professional dan cendekiawan agama yang menghafaz al-Quran berteraskan tiga komponen utama iaitu quranik, ijhtihadik dan ensiklopedik (Azhar & Hairul Hisham 2018). Matlamat TMUA ini adalah melahirkan pelajar yang mampu menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran selama tempoh pengajian lima tahun pada peringkat sekolah menengah di samping menguasai ilmu-ilmu yang lain termasuklah ilmu Qiraat. Menurut BPI KPM (2015) Ilmu Qiraat dipelajari semasa di tingkatan empat dan lima di dalam mata pelajaran Maharat al-Quran (Kemahiran al-Quran) yang merupakan salah satu daripada mata pelajaran KBT. Ilmu Qiraat sangat penting kerana turut diuji di dalam peperiksaan SPM. Kaedah ujian adalah dalam bentuk bertulis dan amali. Pelajar-pelajar TMUA wajib menguasai ilmu Qiraat bagi memperoleh keputusan yang cemerlang di dalam mata pelajaran Maharat al-Quran.

SMAP Bentong merupakan salah sebuah sekolah rintis pelaksanaan program TMUA KPM di bawah pengurusan bahagian SBP KPM. Program ini dilaksanakan bermula tahun 2014 dan generasi pertama calon SPM TMUA adalah pada tahun 2018. Dua buah sekolah rintis TMUA yang lain adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah (SMKAK) di bawah pengurusan Bahagian Pendidikan Islam (BPI KPM). Sehingga kini, SMAP Bentong telah melahirkan ratusan huffaz yang berketerampilan dan berdaya saing.

Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif. Objektif yang pertama adalah bagi mengenalpasti latar belakang pelajar tingkatan lima di SMAP Bentong, Pahang. Objektif kedua untuk menganalisis tahap penguasaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar SMAP Bentong. Manakala objektif yang ketiga adalah menganalisis tahap pengetahuan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar SMAP Bentong.

Kajian ini telah dijalankan kepada pelajar-pelajar tingkatan lima di SMAP Bentong seramai 138 orang dengan menggunakan kaedah persampelan mudah terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang mempunyai pelbagai latar belakang keluarga dan pelbagai aras pemikiran. Pelajar-pelajar ini sedang mengikuti program TMUA di tahun yang terakhir. Merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel yang telah disediakan oleh Krejcie & Morgan (1970), saiz sampel telah ditentukan daripada populasi pelajar tingkatan lima SMAP Bentong. Tumpuan kajian ini adalah terhadap tahap penguasaan dan tahap pengetahuan pelajar TMUA terhadap ilmu Qiraat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif yang digunakan adalah kajian tinjauan bagi melihat tahap penguasaan ilmu Qiraat di SMAP Bentong. Soal selidik pelajar merupakan instrumen yang digunakan pengkaji bagi memperolehi data kajian ini. Bagi instrumen soal selidik, pemungutan data secara skala likert lima mata telah digunakan oleh pengkaji. Data kajian kuantitatif ini telah diproses melalui “Pakej Statistik Sains Sosial” versi 10.0 (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Data dibentangkan melalui bentuk statistik deskriptif.

Jadual 1 menunjukkan kategori skor min bagi menentukan tahap penguasaan ilmu Qiraat di SMAP Bentong berdasarkan konstruk kajian. Skor min 1.00 hingga 2.00 menunjukkan tahap yang rendah, skor min 2.01 hingga 3.00 pada tahap sederhana rendah, skor min 3.01 hingga 4.00 menunjukkan tahap sederhana tinggi dan skor min 4.01 hingga 5.00 pula menunjukkan pada tahap tinggi (Stufflebeam 1971).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min



Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini terbahagi kepada empat iaitu latar belakang responden, tahap penguasaan ilmu Qiraat, tahap pengetahuan ilmu Qiraat dan analisis pengetahuan berdasarkan jantina.

4.1 Latar Belakang Responden

Responden merupakan 138 orang pelajar tingkatan lima di SMAP Bentong, Pahang. Latar belakang responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.

Jadual 2: Maklumat Profil Responden

	Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	67	48.6
	Perempuan	71	51.4
Tempat Tinggal	Bandar	66	47.8
	Luar Bandar	72	52.2
Tempat Bermula	Rumah	4	2.9
Mengenali	Sekolah Rendah	7	5.1
Ilmu Qiraat	Sekolah Menengah	126	91.3
	Lain-Lain	1	0.7

Jadual 2 menunjukkan seramai 67 orang (48.6%) responden merupakan pelajar lelaki dan 71 orang (51.4%) adalah pelajar perempuan. Data ini menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki.

Bagi tempat tinggal, kawasan luar bandar lebih ramai iaitu 72 orang (52.2%) berbanding kawasan bandar iaitu 66 orang (47.8%). Manakala tempat bermula mengenali ilmu Qiraat, peratusan terbesar adalah semasa di sekolah menengah seramai 126 orang (91.3%) diikuti sekolah rendah 7 orang (5.1%), di rumah 4 orang (2.9%) dan lain-lain tempat 1 orang (0.7%)

Kesimpulannya, hasil daripada data yang diperolehi menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar-pelajar ini mengenali ilmu Qiraat semasa di peringkat sekolah menengah. Jelaslah di sini menunjukkan bahawa program TMUA memainkan peranan yang besar dalam memperkenalkan ilmu Qiraat kepada responden melalui mata pelajaran Maharat al-Quran.



4.2 Analisis Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat

Bagi menilai tahap penguasaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar, analisis deskriptif telah dijalankan dengan melihat kepada kekerapan dan peratusan. Kesemua item adalah berdasarkan skala likert iaitu tidak menguasai, menguasai sedikit, menguasai sebahagian, menguasai sebahagian besar dan menguasai keseluruhan. Hasil analisis deskriptif dinyatakan dalam jadual 3 yang berikut.

Jadual 3: Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat

Tajuk/Bahagian	TM	MS	MB	MSB	MK	Min	S.P	Interpretasi
Asas ilmu Qiraat dan sejarah perkembangan	4	37	61	28	8	2.99	0.91	Sederhana Rendah
	2.9%	26.8%	44.2%	20.3%	5.8%			
Biografi Imam-imam Qiraat beserta <i>rawinya</i>	3	13	46	55	21	3.57	0.94	Sederhana Tinggi
	2.2%	9.4%	33.3%	39.9%	15.2%			
<i>Manhaj</i> umum Imam-imam Qiraat	2	24	58	44	10	3.26	0.88	Sederhana Tinggi
	1.4%	17.4%	42%	31.9%	7.2%			
<i>Farsh al-huruf</i> surah <i>al-Baqarah</i>	7	29	45	44	13	3.20	1.04	Sederhana Tinggi
	5.1%	21%	32.6%	31.9%	9.4%			
Praktikal bacaan surah <i>al-Fatihah</i>	1	3	7	56	71	4.40	0.75	Tinggi
	0.7%	2.2%	5.1%	40.6%	51.4%			
Praktikal bacaan surah <i>al-Baqarah</i> (ayat 1-25)	1	20	66	43	8	3.27	0.81	Sederhana Tinggi
	0.7%	14.5%	47.8%	31.2%	5.8%			
Purata Skor Min						3.45	0.66	Sederhana Tinggi

Jadual di atas menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min tahap penguasaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar TMUA di SMAP Bentong. Interpretasi skor purata keseluruhan tahap penguasaan ilmu Qiraat adalah 3.45 dan sisihan piawai 0.66 pada tahap sederhana tinggi.

Kesemua bahagian berada pada tahap sederhana tinggi iaitu bahagian biografi imam-imam Qiraat (min=3.57, sp=0.94), *manhaj* umum imam-imam Qiraat (min=3.26, sp=0.88), *farsh al-huruf* surah *al-Baqarah* (min=3.20, sp=1.04) dan praktikal bacaan surah *al-Baqarah* (min=3.27, sp=0.81). Manakala bahagian praktikal bacaan surah *al-Fatihah* pada tahap tinggi (min=4.40, sp=0.75) dan asas ilmu Qiraat pada tahap sederhana rendah (min=2.99, sp=0.91).



Berdasarkan pemerhatian, menunjukkan bahawa sebahagian besar responden menguasai bahagian praktikal bacaan surah *al-Fatihah*. Manakala bahagian asas ilmu Qiraat dan sejarah perkembangan pula sebahagian besar responden hanya menguasai sebahagian sahaja.

Menurut kajian Ahmad Mujahideen et. al (2021) mendapati bahawa tahap penguasaan ilmu Qiraat berada pada tahap sederhana sahaja. Kajian tersebut telah dilaksanakan terhadap pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Majlis Agama Islam Kelantan (MTQ MAIK). Cadangan kajian tersebut supaya proses pengajaran dan pembelajaran ditambahbaik agar tahap penguasaan ilmu Qiraat pada tahap yang lebih baik lagi.

4.3 Analisis Tahap Pengetahuan Ilmu Qiraat

Item analisis pada bahagian ini adalah berdasarkan skala likert iaitu sangat tidak pasti, tidak pasti, mungkin, pasti dan sangat pasti. Jadual 4 menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min tahap pengetahuan ilmu Qiraat. Interpretasi skor purata keseluruhan tahap pengetahuan ilmu Qiraat adalah 4.01 dengan sisihan piawai 0.58 berada pada tahap tinggi.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Ilmu Qiraat

Tahap Pengetahuan	STP	TP	M	P	SP	Min	S.P	Interpretasi
Maksud Qiraat dari sudut bahasa	2	2	37	57	40	3.95	0.87	Sederhana Tinggi
	1.4%	1.4%	26.8%	41.3%	29%			
Definisi Qiraat dari sudut istilah	-	6	42	53	37	3.88	0.86	Sederhana Tinggi
	-	4.3%	30.4%	38.4%	26.8%			
Faedah mempelajari ilmu Qiraat	-	2	22	51	63	4.27	0.78	Tinggi
	-	1.4%	15.9%	37%	45.7%			
Keistimewaan ilmu Qiraat	-	-	18	54	66	4.35	0.70	Tinggi
	-	-	13%	39.1%	47.8%			
Pengasas ilmu Qiraat	-	16	57	31	34	3.60	0.99	Sederhana Tinggi
	-	11.6%	41.3%	22.5%	24.6%			
Sumber ilmu Qiraat	-	6	33	52	47	4.01	0.87	Tinggi
	-	4.3%	23.9%	37.7%	34.1%			
Hukum mempelajari ilmu Qiraat	-	2	16	46	74	4.39	0.75	Tinggi
	-	1.4%	11.6%	33.3%	53.6%			
Rukun Qiraat <i>sahihah</i>	1	2	27	55	53	4.14	0.83	Tinggi



	0.7%	1.4%	19.6%	39.9%	38.4%			
Jenis-jenis Qiraat dari sudut sanad	2	9	47	32	48	3.83	1.03	Sederhana Tinggi
	1.4%	6.5%	34.1%	23.2%	34.8%			
Kaedah umum bagi setiap imam Qiraat	2	7	53	42	34	3.72	0.94	Sederhana Tinggi
	1.4%	5.1%	38.4%	30.4%	24.6%			
Purata Skor Min						4.01	0.58	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat sebahagian item dalam tahap pengetahuan ilmu Qiraat pada tahap tinggi dan sebahagian item lagi pada tahap sederhana tinggi. Item yang menunjukkan pada tahap tinggi adalah faedah mempelajari ilmu Qiraat (min=4.27, sp=0.78), keistimewaan ilmu Qiraat (min=4.35, sp=0.70), sumber ilmu Qiraat (min=4.01, sp=0.87), hukum mempelajari ilmu Qiraat (min=4.39, sp=0.75) dan rukun Qiraat *sahihah* (min=4.14, sp=0.83).

Bagi item yang menunjukkan pada tahap sederhana tinggi pula adalah maksud Qiraat dari sudut bahasa (min=3.95, sp=0.87), definisi Qiraat dari sudut istilah (min=3.88, sp=0.86), pengasas ilmu Qiraat (min=3.60, sp=0.99), jenis-jenis Qiraat dari sudut sanad (min=3.83, sp=1.03) dan kaedah umum bagi setiap imam (min=3.72, sp=0.94).

Berdasarkan pemerhatian mendapati bahawa kesemua responden menguasai sekurang-kurangnya pada tahap sederhana tinggi. Item yang paling dikuasai oleh responden adalah pada hukum mempelajari ilmu Qiraat dengan kekerapan 74 orang (53.6%) menguasai sepenuhnya tahap pengetahuan ini. Manakala item pengasas ilmu Qiraat pula menunjukkan seramai 57 orang (41.3%) pada penguasaan sederhana.

Dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Ahmad Junaidi (2018) mendapati bahawa tahap pengetahuan Qiraat *Sab'ie* di negeri Perak adalah pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini telah dilaksanakan terhadap pelajar-pelajar Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri Perak. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan antara pengetahuan dan penguasaan ilmu Qiraat. Menunjukkan tahap pengetahuan sangat mempengaruhi tahap penguasaan ilmu Qiraat.

4.4 Analisis Penguasaan Berdasarkan Jantina

Analisis ini menerangkan berkenaan penguasaan ilmu Qiraat berdasarkan jantina antara lelaki dan perempuan. Hasil analisis dinyatakan dalam jadual 5 seperti berikut.

Jadual 5: Ujian-t Perbezaan Penguasaan Ilmu Qiraat Berdasarkan Jantina

		Statistik Kumpulan				
		Jantina	N	Min	S.P	M.R.P
Penguasaan	Lelaki		67	3.55	0.75	0.09
	Perempuan		71	3.35	0.56	0.07

**Ujian Sampel
Ujian-t Untuk Kesamaan Min**

	t	df	Sig. (2- tailed)	Perbezaan Min	Perbezaan Ralat Piawai	95% Selang Keyakinan Perbezaan Rendah Tinggi	
Jantina Varians yang sama diandaikan	.577	1	.667	-.500	.866	-11.504	10.504
Varians yang sama tidak diandaikan	.	.	.	-.500	.	.	.

Dengan menggunakan kaedah Ujian-t, keputusan diperoleh min skor penguasaan pelajar lelaki ialah 1.00 adalah lebih rendah daripada min skor penguasaan perempuan ialah 1.50. Perbezaan ini adalah tidak signifikan memandangkan $t=0.577$, iaitu lebih rendah daripada $t=0.577$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara penguasaan Qiraat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan pada aras keyakinan $\alpha=0.05$.

Kajian Ahmad Junaidi (2018) mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap penguasaan ilmu Qiraat berdasarkan jantina. Tahap penguasaan ilmu Qiraat pelajar lelaki lebih rendah berbanding pelajar perempuan.

5.0 PERBINCANGAN

Hasil analisis data mendapati bahawa demografi responden adalah terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama melihat kepada jantina responden. Tiada perbezaan yang ketara antara bilangan jantina lelaki dan perempuan. Bahagian kedua juga mendapati tiada perbezaan yang ketara antara tempat tinggal responden sama ada kawasan bandar atau kawasan luar bandar. Kedua-dua hal ini terjadi kerana dasar pemilihan dan pengambilan pelajar ke SBP adalah seimbang antara jantina lelaki dan perempuan dan kawasan bandar atau luar bandar. Manakala bahagian ketiga pula menerangkan bahawa sebahagian besar responden mengenali ilmu Qiraat semasa di peringkat sekolah menengah. Dapatan ini menyokong bahawa program TMUA memainkan peranan utama dalam memperkenalkan ilmu Qiraat kepada responden.

Analisis kuantitatif mendapati bahawa tahap penguasaan ilmu Qiraat di SMAP Bentong mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi. Bahagian praktikal bacaan surah *al-Fatihah* adalah pada tahap tinggi. Sebahagian besar responden dapat menguasai bahagian ini dengan baik. Sebanyak 92% responden pada tahap menguasai, 5.1% tahap sederhana dan 2.9% masih pada tahap yang lemah.

Terdapat empat bahagian yang mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi iaitu biografi imam-imam Qiraat beserta *rawinya*, *manhaj* umum imam-imam Qiraat, *farsh al-huruf* surah *al-Baqarah* dan praktikal bacaan surah *al-Baqarah* ayat 1 hingga ayat 25. Bagi bahagian biografi imam-imam Qiraat beserta *rawinya*, sebanyak 55.1% responden pada tahap menguasai, 33.3% pada tahap sederhana dan 11.6% pada tahap tidak menguasai. *Manhaj* umum imam-imam Qiraat pula mendapati sebanyak 39.1%



menguasai, 42% sederhana dan 18.8% tidak menguasai. Bahagian *farsh al-huruf* surah *al-Baqarah* mencatatkan sebanyak 41.3% menguasai, 32.6% sederhana dan 26.1% tidak menguasai. Manakala bahagian praktikal bacaan surah *al-Baqarah* ayat 1 hingga 25 mendapati sebanyak 37% menguasai, 47.8% sederhana dan 15.2% tidak menguasai.

Hanya satu bahagian mencatatkan bacaan interpretasi min pada tahap rendah iaitu asas ilmu Qiraat dan sejarah perkembangannya. Sebanyak 26.11% responden menguasai, 44.2% sederhana dan 29.7% tidak menguasai. Secara keseluruhannya, tahap penguasaan ilmu Qiraat responden adalah pada tahap yang baik. Namun perlu kepada penambahbaikan pada bahagian-bahagian tertentu seperti asas ilmu Qiraat dan sejarah perkembangannya dan *farsh al-huruf* surah *al-Baqarah* kerana dapatan kajian mendapati responden kurang menguasai perkara-perkara tersebut.

Analisis kuantitatif tahap pengetahuan ilmu Qiraat di SMAP Bentong pula mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi. Lima item memperolehi interpretasi tinggi iaitu faedah mempelajari ilmu Qiraat dengan 82.7% pada tahap tinggi, 15.9% tahap sederhana dan 1.4% pada tahap lemah. Keistimewaan ilmu Qiraat mencatatkan 86.9% tahap tinggi, 13% tahap sederhana dan tiada pada tahap lemah. Item sumber ilmu Qiraat mendapati sebanyak 71.8% tinggi, 23.9% sederhana dan 4.3% lemah. Hukum mempelajari ilmu Qiraat menunjukkan 78.3% tahap tinggi, 11.6% sederhana dan 1.4% tahap lemah. Rukun Qiraat *sahihah* pula mendapati sebanyak 78.3% responden pada tahap tinggi, 19.6% pada tahap sederhana dan 2.1% pada tahap lemah.

Manakala lima item pada tahap pengetahuan ilmu Qiraat pula mencatatkan interpretasi pada tahap sederhana tinggi iaitu maksud ilmu Qiraat dari sudut bahasa dengan 70.3% tahap tinggi, 26.8% tahap sederhana dan 2.8% tahap lemah. Definisi ilmu Qiraat dari sudut istilah mendapati sebanyak 65.2% tinggi, 30.4% sederhana dan 4.3% lemah. Pengasas ilmu Qiraat mencatatkan sebanyak 47.1% pada tahap tinggi, 41.3% tahap sederhana dan 11.6% tahap lemah. Jenis-jenis Qiraat dari sudut sanad mendapati sebanyak 58% tahap tinggi, 34.1% tahap sederhana dan 7.9% tahap lemah. Dan yang terakhir iaitu kaedah umum bagi setiap imam Qiraat menunjukkan 55% tinggi, 38.4% sederhana dan 6.5% lemah. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan ilmu Qiraat responden adalah sangat baik apabila mendapati bahawa tahap pengetahuan ilmu Qiraat secara keseluruhannya adalah pada tahap tinggi.

Keseluruhannya, berdasarkan dapatan kajian bahawa tahap penguasaan ilmu Qiraat di SMAP Bentong adalah pada tahap yang sederhana. Sebanyak 48.43% sahaja pada tahap menguasai, manakala 34.17% pada tahap sederhana dan 17.38% masih pada tahap yang lemah. Maka, beberapa langkah dan usaha perlu diambil oleh pihak yang berkenaan bagi meningkatkan penguasaan ilmu Qiraat pelajar TMUA khususnya di SMAP Bentong, Pahang.

6.0 CADANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan ilmu Qiraat adalah pada tahap yang tinggi. Namun, tahap penguasaan ilmu Qiraat pula pada tahap sederhana tinggi. Berdasarkan analisis, pelajar-pelajar kurang menguasai bahagian teori ilmu Qiraat berbanding praktikal ilmu Qiraat.

Berdasarkan kajian ini, beberapa cadangan dapat dikemukakan. Cadangan bagi pihak pelajar adalah memupuk semangat mencintai ilmu Qiraat kerana ilmu ini sangat berkait rapat dengan al-Quran di samping



dapat menanam sifat mencintai al-Quran itu sendiri. Guru-guru dicadangkan memberikan latihan tubi dan ujian berkala agar pelajar-pelajar dapat menguasai ilmu Qiraat dengan sebaiknya. Pihak sekolah pula perlulah menyediakan program-program motivasi dan kecemerlangan, pertandingan berkaitan ilmu Qiraat dan sebagainya.

Bagi menguasai ilmu ini dengan sebaiknya, pelajar perlu memantapkan penguasaan bahasa Arab kerana bahasa ini sangat penting dalam memahami ilmu Qiraat terutamanya beberapa istilah yang digunakan di dalam Qiraat. Tambahan pula, bahasa ini merupakan bahasa pengantar yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat.

Pelajar juga perlu membiasakan untuk menghafaz beberapa istilah penting dalam ilmu Qiraat memandangkan istilah ini jarang digunakan dalam bidang yang lain. Selain itu, pelajar juga mestilah mengingati nama-nama imam Qiraat dan *rawinya* bagi menanam sifat cintakan ilmu ini.

Aktiviti yang padat dan tempoh masa yang terhad merupakan antara cabaran yang perlu dilalui oleh pelajar-pelajar TMUA. Bagi mengatasi masalah ini, kesemua pihak perlulah memainkan peranan dengan sebaiknya dan saling bekerjasama bagi memastikan pengurusan masa pelajar-pelajar ini adalah pengurusan yang berkualiti. Pihak sekolah perlulah menyusun aktiviti-aktiviti yang seimbang dengan keperluan pelajar dari semua sudut. Guru-guru perlulah mengawasi pergerakan pelajar agar pengurusan masa pada tahap yang optimum. Manakala pelajar-pelajar itu sendiri perlulah menguruskan masa yang dirancang dengan sebaiknya. Pelajar juga boleh menyediakan jadual harian peribadi agar dapat mengikut masa yang ditetapkan.

Bagi memastikan ilmu ini diamalkan secara berterusan, pelajar-pelajar boleh mempraktikkan bacaan Qiraat yang dipelajari. Sebagai contoh, pelajar lelaki boleh membaca Qiraat semasa menjadi imam. Pelajar perempuan pula boleh mempraktikkan bacaan Qiraat semasa di dalam *halaqah* masing-masing. Aktiviti-aktiviti ini akan menghidupkan amalan Qiraat di dalam sekolah walaupun di luar waktu pembelajaran.

7.0 PENUTUP

Penulisan ini adalah berdasarkan kajian tahap penguasaan ilmu Qiraat di peringkat Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong (SMAP Bentong), Pahang. Tumpuan utama diberikan dalam tahap penguasaan dan tahap pengetahuan ilmu Qiraat. Pembelajaran ilmu Qiraat di sekolah secara rasminya bermula pada kumpulan pertama SPM tahun 2018. Sehingga kini, terdapat sebanyak 15 buah sekolah TMUA KPM di seluruh Malaysia dengan hanya sebuah sekolah kecemerlangan dipilih bagi sebuah negeri dan wilayah persekutuan.

Ibu bapa memilih sekolah TMUA sebagai pilihan utama untuk anak-anak membuktikan sekolah aliran ini mendapat permintaan yang tinggi. Perkara ini membuktikan bahawa ilmu Qiraat semakin diyakini dan diminati untuk dipelajari. Kebolehpasaran pelajar dalam bidang ini juga tidak lagi diragui. Institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan bidang Qiraat juga semakin bertambah menunjukkan bidang ini semakin mendapat tempat dalam hati masyarakat dan pencinta-pencinta ilmu. Keadaan ini menunjukkan bahawa berlakunya kesinambungan dalam pembelajaran ilmu Qiraat dan tidak hanya terhenti di peringkat sekolah menengah sahaja.



Menjadi harapan semoga penulisan ini memberi sumbangan dalam mengembangkan ilmu Qiraat dan menambahkan kecintaan pelajar khususnya dan masyarakat amnya dalam mendalami ilmu ini. Besarlah harapan agar semua pihak dapat menghargai jasa dan sumbangan para ulama dan ilmuan yang sentiasa berusaha keras memelihara ilmu ini agar terus dipelajari hingga ke akhir zaman dan menjadi bukti kecintaan kita kepada Nabi Muhammad s.a.w dengan cara mempelajari dan memelihara warisan ilmu yang ditinggalkan oleh baginda s.a.w.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad Ismail (1400H). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arab.
- Al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasiy: lil Natiqin bi al-'Arabiyah wa Muta'allimiha. (1988). Paris: al-Munazzomah al-'Arabiyah lil Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum.
- Al-Qattan Manna' Khalil. (1973). *Mabahis fi Ulum al-Quran* (3 ed.). Mansyurat al-'Asr al-Hadis. Al-Quran al-Karim.
- Ahmad Junaidi Mohamad Said. (2018). *Faktor Penguasaan Qiraat al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca dan Menghafal al-Quran (KKQ) di Negeri Perak*. [Tesis Sarjana] Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Mujahideen Yusoff, Muhammad Amiri Ab Ghani, Norhanis Amran & Ahmad Najib Abdullah. (2021). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat MAIK*. *Jurnal Dunia Pendidikan* Vol 3. No. 2, hlm. 449-458.
- Azhar Ahmad & Hairul Hisham Adam. (2018). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara: Pelaksanaan di Kementerian Pendidikan Malaysia*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara Siri ke-8. Universiti Kebangsaan Malaysia, 23-25 Oktober 2018.
- Bahagian Pendidikan Islam. (2015). *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (Pelaksanaan 2015)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ibn al-Jazari & Shams al-Din Abi al-Khayr Muhammad. (1999). *Munjid al-Muqri'in*. Lubnan: Dar al-Kultub al-Ilmiyyah.
- Izzan, Ahmad Izzan. (2011). *Ulum al-Quran: Tela'ah Tekstualitas dan Kontekstualitas al-Quran* (4 ed.). Bandung: Tafakur Anggota IKAPI.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Sizes For Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610.
- Mansur, Dr. Muhammad Khalid Abd. Aziz. (1999). *Al-Wasit fi ilmi al-Tajwid*. Al-Urdun: Dar al-Nafais.
- Mardhiah Yahaya. (2018). *Ke Arah Transformasi Pendidikan (Program Ulul Albab): Kajian Kes MRSM Ulul Albab*. 4th International Conference on Islamiyyat Studies, 18-19 September 2018.
- Stufflebeam, Daniel L. (1971). *The Relevance of The CIPP Evaluation Model for Educational Accountability*. Ohio State University: Columbus.
- Sumayyah & Abdul Hafiz, Sumayyah Ali @ Awang & Dr. Abdul Hafiz Abdullah. (2016). *Penulisan Ilmiah Berkaitan Ilmu Qiraat di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal*. 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, hlm. 217-225.